

04/10/2003

Dr M tinjau marina terbaru

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Jadual ketat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) masih berlangsung, tidak menghalang beliau daripada meninjau tapak projek utama pembangunan di sini.

Perdana Menteri, yang berada di sini sejak perasmian Lima `03 Selasa lalu, semalam sempat meluangkan masa pada sebelah pagi untuk meninjau tahap kemajuan projek pembangunan di Pantai Kok, lokasi yang sudah menjadi kelaziman baginya ketika melakukan lawatan ke pulau ini.

Di situ, beliau sekali lagi meninjau projek pembangunan Telaga Harbour Park Valley and Marina, satu projek usaha sama antara Benua Perdana Sdn Bhd dan Lembaga Pembangunan Langkawi selepas kali terakhir berbuat demikian pada 1 September lalu.

Projek pembangunan marina keempat di Langkawi bernilai RM40 juta itu dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh menerima 100 kapal layar berlabuh pada satu-satu masa.

Bercakap kepada pemberita selepas menamatkan lawatan ke Harbour Park Valley, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan tahap kemajuan projek selepas mendapati ia berjalan lancar.

Katanya, pemilik kapal layar dari negara asing juga sudah mula bertanyakan mengenai kemudahan itu dan menunjukkan minat untuk melabuhkan kapal layar mereka di situ.

"Orang asing yang datang ke sini (Pantai Kok) juga sudah bertanya mengenai keadaan di sini dan kita (katakan) mempunyai semua kemudahan termasuk Kastam Diraja Malaysia (KDRM), imigresen, polis serta bomba selain bekalan minyak dan makanan," katanya.

Antara cadangan komponen pembangunan di kawasan seluas 12 hektar itu ialah pejabat pengurusan marina, Kompleks Petronas, stesen minyak dan surau, Kompleks Kastam, kondominium 120 unit, hotel bertaraf tiga, empat serta lima bintang dan 70 unit pusat komersial.

Terdahulu, Dr Mahathir bersarapan di Perdana Quay yang baru dibuka. Beliau kemudiannya menaiki feri hidrofoil Lady Yasmin milik Yasmin Marine Technology Sdn Bhd ke perairan berhampiran dan meninjau kelengkapan dalaman kapal Perantas KB-70 milik KDRM yang berlabuh di situ.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib, yang juga Ahli Parlimen Langkawi. Taklimat mengenai projek itu disampaikan oleh perunding projek yang juga pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.